

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : 08/12/2023
Edisi / Muka Surat : Nasional (27)
Tajuk : Pertanian Pintar IoT Dalam Ladang Durian



BARISAN pengurusan kanan MVP dan Komaju pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara kedua-dua pihak.

Pertanian pintar IoT dalam ladang durian

Kuala Lumpur: Kerjasama antara Musang Valley Plantation (MVP) dan Koperasi Usaha Maju KL Berhad (Komaju) dalam bidang penye paduan ladang durian dengan pertanian pintar internet pelbagai benda (IoT) serta pendigitalan melalui pasaran dilihat mampu memberi impak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Presiden Angkasa merangkap Presiden Asean Cooperative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama terbabit berte patan dengan hasrat kera

jaan untuk melihat sektor koperasi meneroka bidang yang berdaya maju dan mampu memberi impak kepada KDNK sekali gus mencapai hasrat kerajaan untuk melihat RM100 billion disumbangkan oleh gerakan koperasi pada 2030.

Katanya, melalui kerjasama itu, Komaju memainkan peranan dalam mem bangunkan, memasarkan produk dan perkhidmatan untuk meneroka pasaran eksport serta meluaskan pasaran domestik dan menyediakan khidmat nasihat untuk pembangunan.

“MVP ladang durian pertama di Malaysia yang menggunakan teknik penanaman pintar, dengan mengubah kaedah pertanian secara konvensional kepada pertanian pintar adalah satu pencapaian yang harus diberi perhatian dan diraikan.

“Pendekatan ini mengga bungkan pertanian pintar IoT dalam ladang durian yang diaplikasikan pengguna teknologi melalui gabungan pasaran dalam talian, penyelesaian Fintech dan pelaburan.

“Kerjasama ini diharapkan dapat membantu me

realisasikan unjuran sektor koperasi di negara ini untuk menyumbang kira-kira lima hingga 10 peratus KDNK sejajar dengan Pelan Strategik ANGKASA 2050 (Pe san50),” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, Komaju juga mampu untuk menjadi antara pencetus pertumbuhan ekonomi gerakan koperasi menerusi pelaburan dan aktiviti perniagaannya yang dilihat kini sudah melalui transformasi yang sangat hebat dan mengagumkan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA